



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dr. Mahathir jadi tumpuan wartawan

■ SUDAH lazim bagi pemberita, bila ketemu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, tidak lepas peluang mengerumuni beliau mendapatkan komennya mengenai isu semasa.

Di Kuala Lumpur semalam, selepas Pemangku Perdana Menteri merasmikan Persidangan Industri Perbekalan Elektrik Rantau Timur Jauh yang ketiga, beliau dikelilingi wartawan.

Di sebelah kiri Datuk Seri Dr. Mahathir ialah Pengurus Besar Lembaga Elektrik Negara (LLN), Tan Sri Abu Zarim Omar selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja persidangan itu.

Dalam sidang akhbar itu, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan akan melancarkan kempen penjimatan penggunaan tenaga yang akan dilaksanakan oleh Datuk Leo Moggie sendiri.